

Mangsa banjir kini lebih bernasib baik

BH 27/12

FENOMENA alam seperti ribut tropika, tanah runtuh dan banjir mampu menyebabkan bencana terhadap kehidupan manusia. Walaupun ada yang boleh diramal kedatangannya tetapi secara tepat dari segi masa, skala, lokasi, magnitud dan impak sesuatu bencana alam amat sukar ditentukan, malah selalu di luar jangkaan.

Bumi berbentuk bulat bagaikan sfera memudahkan kejadian gempa bumi di satu titik pada kerak bumi menghasilkan gegaran yang dapat dirasai beratus batu dari pusat kejadian. Begitu juga dengan ombak tsunami terbentuk jauh di tengah lautan, tetapi tenaga kemusnahan ini masih mampu memusnahkan mereka yang berada di pinggir lautan.

Dalam konteks bencana alam, takdir menentukan segalanya. Manusia hanya mampu merancang dan berusaha, apa yang diramal mungkin tidak berlaku dan perkara yang tidak diramal, tanpa diduga terus berlaku.

Justeru, dalam menghadapi bencana alam, harapan ialah meminimumkan kesan kemusnahan dan trauma ke atas alam, infrastruktur, manusia dan semua kehidupan. Keadaan harus pulih hampir kepada keadaan sebelumnya agar kehidupan harian dapat diteruskan.

Setakat yang boleh diimbau, banjir Sungai Perak sekitar 1967-1969 masih banjir terbesar dari segi kedalaman air, keluasan kawasan terbabat dan keperitan ditanggung mangsa banjir jika dibandingkan beberapa peristiwa banjir besar yang melanda negara selepas merdeka.

Masih jelas dalam ingatan pada waktu itu, setiap rumah berhampiran sungai menyimpan setidak-tidaknya sebuah sampan, perahu atau rakit sebagai persediaan wajib menghadapi musim tengkujuh. Ketika banjir, pengangkutan air bukan satu masalah ketika itu.

Tanpa diduga, banjir pada waktu itu mencapai skala luar biasa. Paras air naik dengan deras hingga melebihi ketinggian sama ada struktur buatan manusia mahupun semula jadi dan hampir menenggelamkan jam besar yang menjadi salah satu mercu tanda sejarah di bandar Kuala Kangsar.

Keadaan itu memaksa semua penduduk kampung bergegas pindah ke kawasan berbukit di pinggir hutan kerana hanya di situ kawasan tinggi tidak ditenggelami air dan 'selamat' daripada banjir.

Sementara menunggu bantuan yang hanya boleh dibawa secara meredah arus banjir yang mengganas, selama tiga hari penduduk hanya berlindung di lereng bukit dengan berteduh di bawah pohon rendang dan sekadar minum air keruh dan makan hanya untuk alas perut yang kosong.

Apabila pihak tentera tiba dengan menaiki bot, mereka membawa bantuan berupa kain selimut, 'beras bercampur bubuk', 'ikan bilis hampir lapuk' dan istimewa sedikit, ikan sardin dalam tin, semua ini masih dianggap bantuan berharga dan perlu dibalas dengan ucapan terima kasih.

Selepas seminggu mengharungi kesukaran dan banjir pun susut, kami gembira sebab dapat pulang ke rumah masing-masing. Sekali lagi kebanyakan kami dirudung malang kerana yang ada hanyalah bekas tapak rumah.

Rumah kampung yang rata-rata diperbuat daripada kayu dan papan memang mudah musnah dan dihanyutkan arus banjir yang deras.

Namun begitu tiada siapa yang hilang pedoman atau terlalu meratapi kemusnahan atau kehilangan punca pendapatan. Banyak rumah dihanyutkan tetapi masih bernasib baik kerana terdampar tidak jauh dari tapak asal.

Dengan semangat tolong-menolong, rumah berkenaan berjaya diangkat beramai-ramai dan dipindahkan semula ke atas bongkah simen yang tidak pun berganjak dari lokasi asalnya.

Dengan semangat gotong-royong kerja berat seperti membersihkan sampah sarap dan lumpur dalam dan luar rumah menjadi ringan. Dengan ihsan kerajaan - berupa bantuan kayu dan papan - dan kerjasama penduduk, rumah yang ranap dapat dibina kembali.

Walaupun banyak yang musnah dan yang dibaiki tidak sempurna seperti sebelumnya tetapi semua itu tidak mematahkan semangat mereka untuk terus melihat pada masa depan dengan fikiran lebih optimis.

Kini, dengan adanya tindakan pantas lagi tersusun oleh kerajaan dan bukan kerajaan dalam menghulurkan bantuan dan kemudahan, suasana sukar seperti yang kami lalui ketika banjir itu nampaknya sudah tiada lagi.

PAK SALEHUDIN,
Proton City, Tanjung Malim.